

Headline	Empat IPP dibatalkan kontrak		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	3
ArticleSize	196 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,727		



## Empat IPP dibatalkan kontrak

**PUTRAJAYA 12 Julai** - Kontrak sebanyak empat syarikat penjana kuasa bebas (IPP) akan dibatalkan dalam masa terdekat selepas didapati tidak memberikan manfaat yang besar kepada kerajaan dan rakyat.

Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin berkata, keputusan pembatalan itu dibuat selepas kajian menyeluruh mendapati ia tidak akan melibatkan implikasi terhadap kewangan, teknikal dan perundangan.

"Pengumuman rasmi mengenai pembatalan ini akan dibuat pada minggu hadapan selepas mendapat kelulusan daripada mesyuarat Kabinet. Ketika itu, baru boleh diumumkan mengenai syarikat terlibat dan perkara-perkara berkaitan."

"Buat masa ini yang boleh saya dedahkan ialah keempat-empat syarikat ini merupakan IPP baharu dan diberikan anugerah

kontrak secara rundingan terus oleh kerajaan sebelum ini. Daripada semua IPP ini hanya sebuah syarikat merupakan syarikat senarai awam," katanya kepada pemberita selepas Sesi Taklimat Umum Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar bersama pihak industri di sini, hari ini.

Menurut Bee Yin, empat IPP tersebut merupakan lapan daripada IPP yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk dikaji semula.

Katanya, kedudukan baki empat IPP lagi akan diumumkan selepas kajian dari segi kewangan, teknikal dan perundangan dibuat.



YEO BEE YIN

Dalam pada itu, ditanya mengenai bantahan Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli terhadap keputusan kerajaan menaikkan tarif bersih elektrik berikutnya pelarasan mekanisme kos tidak berimbang (ICPT), Bee Yin berkata, beliau akan menjelaskan perkara tersebut dalam sidang Dewan Rakyat pada minggu hadapan.

"Rafizi salah faham mengenai impak kenaikan ini, saya sendiri sudah bercakap dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Saifuddin Nasution Ismail semalam mengenai pelarasan ini."

"Saya mengalu-alukan pandangan Rafizi dalam usaha kita untuk menjadikan industri ini lebih kompetitif," katanya.